



Breaking News/
Berita Tergepar

BERNAMA Microsite » Perbankan & Kewangan • Auto • Penerbangan • Maritim • Pendidikan • Hartanah

AM > BERITA

Carian

Berita Who's Who



Penjawat Awam Berperanan Penting Jayakan Agenda Transformasi - Ali Hamsa

PUTRAJAYA, 7 Jan (Bernama) – Penjawat awam diminta agar sentiasa melakukan penambahbaikan dalam perancangan, pelaksanaan dasar dan prosedur kerja untuk meraih kepercayaan dan keyakinan rakyat.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa berkata ia antara faktor penting yang perlu diberi perhatian oleh setiap penjawat awam dalam menjayakan agenda transformasi negara.

"Setiap penjawat awam telah diberi tanggungjawab dan kepercayaan untuk menjadi perintis dan ejen perubahan bagi memajukan negara ini.

"Perkhidmatan awam kini terdedah kepada penelitian kritikal orang awam, apatah lagi bila berhadapan dengan persepsi bahawa masih berlaku kerenah birokrasi, ketidakecekapan, prestasi di bawah tahap, ketidaktelesusan dan kurangnya akauntabiliti," katanya pada majlis penganugerahan Diploma Pengurusan Awam (DPA) Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di Putrajaya, Selasa.

Hadir sama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan Pengarah Intan Datuk Dr Halim Man.

Seramai 735 orang menerima DPA selepas menjalani pengajian di Kampus Utama Intan di Bukit Kiara, Kuala Lumpur, Kampus Intan Wilayah Selatan di Kluang, Johor dan di Kampus Intas Wilayah Timur di Kemaman, Terengganu.

Ali berkata penjawat awam berperanan penting dalam mengubah tanggapan negatif sesetengah anggota masyarakat terhadap perkhidmatan awam dengan menunaikan janji kerajaan kepada rakyat menerusi pemberian perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti.

"Perkhidmatan awam adalah tonggak pentadbiran negara dan kesemua penjawat awam kini gihh melakukan yang terbaik dalam tugas masing-masing dalam menjayakan agenda transformasi negara," katanya.

Beliau mengingatkan bahawa penjawat awam harus memegang kuat prinsip taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara, Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan yang memerintah.

"Sebagai penjawat awam, kita perlu sentiasa menjaga nama baik dan imej perkhidmatan dari segi kelakuan dan percakapan, melaksanakan tugas dengan sifat amanah dan integriti yang bukan sekadar menghindari daripada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa, tetapi membabitkan pengurusan masa, memberi perkhidmatan yang terbaik dan menjadi seorang pekerja yang berdedikasi," katanya.

Pada majlis itu 18 peserta memenangi anugerah peserta terbaik DPA bagi kategori Anugerah Khas Perdana Menteri (Keseluruhan Terbaik), Anugerah Khas Ketua Setiausaha Negara (Kepimpinan Terbaik), Anugerah Khas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Akademik Terbaik), Anugerah Khas Pengarah Intan (Pembinaan Sahsiyah Terbaik) dan Anugerah Khas Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD).

--BERNAMA

Beli Berita Ini

Kami menyediakan langganan berita melalui perkhidmatan NewsWire.

» Berita Utama Terdahulu

Sasterawan Berperanan Bangunkan Negara Menerusi Penulisan - Muhyiddin
Agong Terima Watikah Pelantikan Duta, Pesuruhjaya Tinggi Asing
Klia2 Dijangka Dapat CCC Pada Akhir Bulan, Kata Hishammuddin

» Berita Terkini Lain

Biro Penerangan Umno Terengganu Mantapkan Tugas Penerangan- politik
Projek Perkhidmatan Portal Terurus Skali Group Capai Status Bintang Tertinggi- ekonomi
Isu Rasuah: FAM Tangguh Pelaksanaan Hukum Terhadap Tujuh Pemain KL- sukan
Hak Kepada Makanan, Cabaran Semakin Meningkat Untuk Malaysia- rencana
India's Ruling Congress Chief Sonia Gandhi's Daughter May Get Into Active Politics- dunia

» Berita Pilihan Tertinggi

Lindungi Mata Ketika Lihat Fenomena Tompok Matahari - Angkasa
Dua Pegawai Kanan Wisma Putra Ditahan Untuk Bantu Siasatan Tuntutan Palsu
Penghadang Konkrit Dipasang Di Lokasi Tanah Runtuh Malam Ini

Ruang dan pejabat untuk disewa, dijual serta sebutharga

klik di sini untuk maklumat selanjutnya

